



Bulletin FPP

FAKULTI PERNIAGAAN DAN PERAKAUNAN, UNIVERSITI MALAYA

Tarikh: 15 Mei 2003, (bersamaan 13 Rabiul Awal 1424)

Bil: 9/2003

STRUKTUR BARU PROGRAM BAcc DAN BBA

FPP dalam usaha untuk menawarkan program yang terbaik bagi mahasiswa telah mengorak langkah dengan memperkenalkan satu struktur baru bagi program BAcc dan BBA kepada pelajar baru sesi 2003/2004.

Struktur baru ini menampilkan tiga perubahan kepada struktur program yang sedia ada. Perubahan pertama ialah pelajar dikehendaki mengambil kursus yang sama pada tahun pertama. Sebanyak lapan kursus asas yang harus disempurnakan dalam tahun pertama pengajian adalah seperti berikut:

- ▶ CAEA 1101 Pengantar Perakaunan
- ▶ CBEB 1102 Prinsip Pengurusan
- ▶ CBEB 1103 Pengurusan Sistem Maklumat
- ▶ CBEB 1106 Prinsip Pemasaran
- ▶ CBEB 1107 Ekonomi Pengurusan I
- ▶ CBEB 1108 Ekonomi Pengurusan II
- ▶ CBEB 1109 Statistik Perniagaan
- ▶ CBEB 1110 Analisa Kuantitatif Perniagaan

Keduanya, kursus analisa kuantitatif dan statistik yang sebelum ini ditawarkan oleh Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran akan ditawarkan sendiri oleh FPP. Perubahan ini dilakukan untuk membangunkan kepakaran dalam bidang ini di FPP. Bidang ini merupakan aspek penting dalam penyelidikan dan langkah ini dilihat sebagai membantu staf FPP lebih menguasai bidang ini.

Perubahan terakhir melibatkan pelajar BBA. Struktur baru yang akan diperkenalkan mensyaratkan pelajar BBA mengambil 5 jam kredit Bahasa Inggeris menjadikannya sama seperti syarat yang dikenakan kepada pelajar BAcc. Langkah ini diambil dengan tujuan meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan semua pelajar FPP.

Struktur baru ini akan berkuatkuasa mulai semester terdekat ini. Semoga pengenalan struktur baru ini akan meningkatkan lagi pencapaian pelajar FPP kerana perubahan yang dibuat adalah demi kecemerlangan mereka.



Gambar: Staf FPP semasa sesi lawatan di Graduate School of Business, Kampus Kota.

Lawatan ke Kampus Kota

Satu lawatan ke kampus kota telah diadakan pada 15 April 2003. Lawatan tersebut bertujuan antara lain memberi peluang kepada staf FPP meninjau persekitaran baru kampus tersebut khususnya Sekolah Pascasiswazah Perniagaan (*Graduate School of Business – GSB*).


Lawatan tersebut diketuai oleh Dekan FPP, Prof. Md. Nor Othman. Seramai lebih kurang 30 orang staf FPP turut sama dalam rombongan tersebut. Rombongan telah disambut oleh Pengarah GSB, Prof. Madya Dr. Abdul Latif Salleh dan staf GSB yang lain.

Staf FPP dibawa melawat Pejabat Am, bilik kuliah, bilik seminar, bilik perbincangan, bilik mesyuarat dan sebagainya. Selain itu, mereka juga dibawa melawat INPUMA, Institut Pengetua dan bilik penyelaras kampus kota.

Selain sesi melawat sekitar kampus kota, Pengarah GSB, Prof. Madya Dr. Abdul Latif Salleh turut memberikan penerangan kepada semua staf FPP tentang maklumat mutakhir GSB di kampus kota. Akhir sekali, staf FPP dijemput untuk menikmati makan tengahari yang disediakan. Rombongan bertolak pulang ke FPP pada pukul 12.30 tengah hari.



Latest Publications



Book

1. M. Fazilah Abdul Samad (2003), *Financial and Managerial Accounting for Non-Specialist*, Kuala Lumpur: University of Malaya Publication.
2. Choong Kwai Fatt (2003), *Malaysian Taxation - Principles and Practice*, 9th ed., Kuala Lumpur: Infoworld.
3. Choong Kwai Fatt (2003), *Tax Planning for Malaysian Employees*, 1st ed., Kuala Lumpur: Sweet and Maxwell.
4. Choong Kwai Fatt (2003), *Leading Cases on Income Tax*, 1st ed., Kuala Lumpur: Sweet and Maxwell.
5. Choong Kwai Fatt (2003), *Malaysian Revenue Law Cases - A Practical Index*, 1st ed., Kuala Lumpur: Infoworld.

Journal

1. Mohd Nazari Ismail and Jenny Kwee (2003) "Network Characteristics and Outcomes: Case Studies of Malaysian Firms", *Asia Pacific Management Review*, June.

Professional Magazine

1. Choong Kwai Fatt (2003), "Real Property Gains Tax - An Analysis", *The Chartered Secretary Malaysia*, April, pp. 16-19.

Working Paper

1. Han Jarle Kind and Mohd Nazari Ismail (2003), *Malaysia – Lucky Man of Asia*, Working Paper no 59/01, *Foundation for Research in Economics and Business Administration*, Bergen, Norway.

Proceedings

1. Saiful Azhar Rosly & Wan Marhaini Wan Ahmad (2003), "A Study of Gharar in Insurance and Takaful", *Proceeding in Malaysian Finance Association's 5th Annual Symposium*, ed. Mansor Isa et al., Multimedia University.
2. Zarina Zakaria & Shaari Isa (2003), "Corporate Social Responsibility Reporting of Firms Listed on the KLSE", *Proceeding in Malaysian Finance Association's 5th Annual Symposium*, ed. Mansor Isa et al., Multimedia University.
3. Tan Lee Peng (2003), "Knowledge Management in 25 Malaysians Companies", *Proceeding in The 8th International Conference on ISO & TQM*, Montreal, Canada.

Call For Papers

1. The 2nd International Law & Commerce Conference to be held on 8-9 December 2003 in Melbourne, Australia. The deadline for submission of proposals and final papers are 30 June 2003 and 6 October 2003 respectively. For further information, please visit <http://www.iiu.edu.my/news/callforpapers.htm>
2. The 2nd Qualitative Research Convention: Theory and Practice to be held on 22-23 October 2003 in Petaling Jaya. The deadline for submission of abstract is 30 June 2003. Please visit www.umcced.edu.my/conference/qrc for further information.
3. The 2nd Conference on Administrative Sciences: Meeting the Challenges of the Globalization Age to be held on 19-21 April 2004 in Saudi Arabia. The deadlines for submission of abstract and full papers are 30 September 2003 and 9 November 2003 respectively. For further information, please visit www.kfupm.edu.sa/asc2
4. Academy of World Business, Marketing and Management Development Conference to be held on 13-16 July 2004 in Queensland, Australia. The deadline for submission of full papers or abstract is 22 September 2003. Please visit www.usq.edu.au/faculty/business/departments/marketing/index.htm for further information.
5. The Fourth Asian Pacific Interdisciplinary Research in Accounting Conference to be held on 4-6 July 2004 in Singapore. The deadline for submission of papers is 30 January 2004. Further information is available at <http://www.accountancy.smu.edu.sg/Apira/index.htm>
6. Asia Academy Of Management Fourth Conference to be held on 16-18 December 2004 in Shanghai, China. The deadline for submission of papers is 31 May 2004. For further information, visit <http://www.cuhk.edu.hk/baf/asia-aom>
7. The First National Seminar on E-Commerce (NATSeC 1) to be held on 7 October 2003 in Petaling Jaya. The deadline for submission of abstracts and full papers are 1 July 2003 and 8 August 2003. Any inquiry should be sent to seminar@unitar.edu.my

Kelahiran Baru

Tiga orang staf FPP telah mendapat cahaya mata baru sepanjang sebulan yang lalu. Encik Yusmeriam telah dikurniakan seorang anak lelaki pada 20 April 2003 di Hospital Kuala Terengganu. Puan Raida Abu Bakar juga turut menimang anak lelaki pada 3 Mei 2003 di Hospital Tawakal. Ini merupakan anak pertama beliau. Puan Noor Ismawati Jaafar pula telah selamat melahirkan anak kedua beliau, seorang puteri, pada 12 Mei 2003, jam 11.31 pagi di Sunway Medical Center. Semua mereka berada dalam keadaan yang sihat.

FPP berbangga dan turut menumpang kegembiraan bersama mereka. Tahniah diucapkan kepada mereka. Semoga anak yang dilahirkan akan menjadi insan yang berguna kepada seluruh masyarakat, dunia dan akhirat.

Tahniah

Empat orang staf FPP telah disahkan dalamjawatan masing-masing. Mereka ialah En. Naufal Omar, En. Fauzi bin Zainir, Puan Aida Idris dan En. Shamsul Bahri Zakaria. Tahniah diucapkan kepada mereka semua. Diharapkan pengesahan jawatan tersebut akan memberi semangat kepada mereka untuk terus berkhidmat dengan jayanya di Universiti Malaya, khususnya di FPP.

Sekalung tahniah juga diucapkan kepada Puan Norzee Ali di atas kejayaan beliau lulus dengan jayanya Kursus Induksi pada tahun lalu. Diharap beliau terus menabur bakti di FPP dengan penuh dedikasi dan cemerlang.

Tahniah juga diucapkan kepada Dr. Abdul Razak Ibrahim di atas perlantikan beliau sebagai salah seorang ahli editorial dan reviewer *Journal of Problem Based Learning (JPBL)*. Ini merupakan pengiktirafan kepada beliau dan FPP turut berbangga dengan perlantikan ini. Adalah diharapkan perlantikan ini bukan sahaja memberi perangsang kepada beliau untuk terus maju dalam bidang beliau, malah memberikan pedoman dan ikutan staf FPP yang lain.

Penyertaan Dalam Seminar/ Persidangan/ Kursus

Staf FPP yang telah menyertai pelbagai seminar dan bengkel adalah seperti berikut:

1. Prof. Madya Dr. Abdul Latif Hj. Salleh telah menjadi ahli panel forum 'Which MBA' pada 19 April 2003 bertempat di Mid Valley Exhibition Centre, Kuala Lumpur.
2. En. Mohd Zulkhairi Mustapha telah menghadiri kursus 'Tax Audit' pada 22 April 2003 bertempat di Legend Hotel, Kuala Lumpur.
3. Prof. Dr. Mansor Isa, Pn. Izlin Ismail, En. Shamsul Anuar Abdul Majid, En. Mohd Zulkhairi Mustapha, Pn. Zarina Zakaria & Puan Wan Marhaini Wan Ahmad telah menghadiri Malaysian Finance Association's 5th Annual Symposium pada 23-24 April 2004 bertempat di MMU, Cyberjaya.
4. Prof. Madya Dr. Fazilah Abdul Samad telah menghadiri kursus 'Certified Financial Planner' pada 23-27 April 2003 bertempat di Kolej Kasturi, Kuala Lumpur.
5. Dr. Zakiah Saleh telah menghadiri Bengkel Tesis ke Buku pada 23-26 April 2003 bertempat di Port Dickson.
6. Puan Suzie Teh Ong Neo telah menghadiri Kursus Penyeliaan Berkesan pada 28-29 April 2003 bertempat di Hotel Singgahsana, Petaling Jaya.
7. Cik Noorizan Othman dan Cik Nor Suhaila Said telah menghadiri Kursus Inventori Berkomputer pada 29 April 2003 bertempat di Pusat Teknologi Maklumat, Universiti Malaya.
8. Puan Noriza Mohd Mustamil telah mengikuti Seminar Kaunseling Kebangsaan Perspektif Islam pada 1-3 Mei 2003 bertempat di Hotel Helang, Langkawi.
9. Prof. Madya Dr. Ainin Sulaiman telah menghadiri Bengkel Penyelidikan Fundamental dan IRPA untuk Sektor Sains Sosial Universiti Malaya pada 1-4 Mei 2003 bertempat di Federal Villa Langkawi.

Bantuan Penyelidikan

Permohonan Bantuan Penyelidikan Jangka Pendek (PJP) adalah dibuka sepanjang tahun. FPP ingin mengingatkan kepada semua pensyarah agar membuat perancangan bagi membuat permohonan mereka berdasarkan tarikh akhir penerimaan permohonan oleh IPPP seperti di bawah:

Cycle 3/ 2003 : 1 Julai 2003

Cycle 4/ 2003 : 1 September 2003

Cycle 1/ 2004 : 15 Disember 2003

Perlu diingat bahawa semua permohonan tersebut mestilah melalui Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti terlebih dahulu. Pemohon yang telah menerima bantuan sebelum ini juga perlu menyertakan laporan penyelidikan masing-masing semasa mengemukakan permohonan. Borang permohonan boleh didapati di Pejabat Am, FPP atau dimuat turun dari laman web <http://www.ippp.um.edu.my>

MBA Workshop

A special presentation/dialogue session with Mr. Zarif Hashim was held on May 10, 2003 at 10.00 am, in Bilik Mesyuarat 1, FPP. Mr. Zarif Hashim is an MBA alumnus of Northwestern Kellogg Business School, which has consistently been ranked at the top among the US MBA programs.

He was invited to share his experience and knowledge about successful MBA programs. This dialogue session was one of the steps taken by Graduate School of Business of University Malaya to improve the MBA program. FPP would like to thank all those who attended and participated in the session.

Biasiswa/Zamalah Fulbright

Malaysian-American Commission on Education Exchange (MACEE) menawarkan enam (6) program biasiswa/zamalah seperti di bawah untuk pengajian lanjutan dan penyelidikan di Amerika Syarikat bagi tahun akademik 2004/2005:

1. Fulbright Graduate Study and Research Program
2. Fulbright-Vijayashanker Memorial Scholarship Program
http://www.macee.org.my/02_08_30_content.htm
3. Fulbright Malaysian Scholar Program
http://www.macee.org.my/02_08_10_content.htm
4. Fulbright Malaysian Professional Exchange Program
http://www.macee.org.my/02_08_20_content.htm
5. Hubert H. Humphrey Fellowship Program
http://www.macee.org.my/05_hub1_hump.htm
6. East-West Center (EWC) Program <http://www.eastwestcenter.org>

Maklumat dan borang permohonan boleh didapati di laman web yang dinyatakan di atas atau di pejabat MACEE beralamat di bawah:

MALAYSIAN-AMERICAN COMMISSION ON EDUCATIONAL EXCHANGE
8th Floor, Menara John Hancock
No. 6 Jalan Gelenggang
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur
Tel : 03 253 8107 Fax: 03 253 8423

Kesemua borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dikemukakan ke Unit Hubungan Antarabangsa (UHA) selewat-lewatnya pada tarikh-tarikh berikut:

Program 1 dan 2 : 23 Mei 2003.

Program 3,4 dan 5 : 23 Julai 2003

Program 6 : 2 minggu lebih awal dari tarikh yang ditetapkan oleh pihak East West Center.

Staf akademik FPP yang bercadang untuk cuti belajar atau cuti sabatikal digalakkan untuk merebut peluang ini.

23-25 Mei 2003: MBA Retreat di Cherating, Pahang.

30 Mei 2003: FPP Intellectual discourse oleh Puan Ervina Alfan dan Puan Sa'adiah Hj. Munir jam 3 petang di Bilik Mesyuarat 1. Tajuk pembentangan ialah 'Advertising of Accounting Services: How Chartered Accountants and Businessmen Feel About It'.

30 Mei 2003: MBA Briefing untuk semua pelajar baru MBA di Kampus Kota jam 5.30 petang.

1 Jun 2003: Pendaftaran pelajar baru sesi 2003/2004.

2 Jun 2003: Taklimat FPP kepada semua pelajar baru pada jam 3-4.30 petang. Semua kakitangan akademik diwajibkan hadir.

9 Jun 2003: Pendaftaran pelajar lama untuk sesi 2003/2004.

12 Jun 2003: Perjumpaan Naib Canselor dengan staff FPP di DK 6, FPP. Semua staf diwajibkan hadir

16 Jun 2003: Kuliah bermula.

Mengenali staf Puan Zalehah Mohd Baie

Staf FPP yang akan diutarkan dalam edisi bulan ini ialah Puan Zalehah Mohd Baie. Beliau mula berkhidmat di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya 29 tahun yang lalu sebelum dipindahkan ke FPP pada 24 Februari 1997 hingga sekarang.

Beliau merupakan salah seorang staf FPP yang sentiasa menjalankan tugasnya dengan cemerlang. Kecemerlangan beliau diakui dan hasilnya, beliau telah dua kali mendapat pergerakan gaji menegak iaitu pada tahun 1999 dan 2002.

Beliau sekarang ditempatkan di Bilik Rekod, FPP. Bidang tugas utama beliau adalah berkaitan dengan peperiksaan pelajar dan menjaga cuti kakitangan sokongan. Selain itu, beliau juga turut membantu staf lain semasa pendaftaran pelajar dan mengemaskinikan rekod pelajar dari masa ke semasa.

Perlantikan Baru

Selamat datang ke FPP diucapkan kepada Dr Ghazali Musa di atas perlantikan beliau sebagai pensyarah di Jabatan Pemasaran dan Sistem Maklumat. Beliau mendapat PhD dalam bidang pengurusan pelancongan dari Otago University, New Zealand. Ijazah pertama beliau adalah dalam bidang perubatan (MBBS). Beliau telah melapor diri di FPP pada 28 April 2003.

Selamat datang juga diucapkan kepada Cik Noorizan Othman di atas perlantikan beliau sebagai Penolong Akauntan di Sekolah Pascasiswazah Perniagaan Universiti Malaya (GSB). Beliau telah mula melapor diri pada 5 Mac 2003.

Tahniah di atas perlantikan tersebut dan FPP mengucapkan selamat bertugas kepada keduā-duanya.*

Takziah

Sekalung takziah diucapkan kepada Puan Norbani Che Ha yang telah kehilangan ibunya yang tersayang pada tanggal hari Khamis, 24 April 2003. Jenazah telah selamat dikebumikan di Kelantan. FPP berharap agar Puan Norbani diberi kekuatan olehNya bagi menempuh dugaan ini. Semoga roh ibu Puan Norbani ditempatkan bersama dengan orang-orang soleh. *All-Fatihah.*

Doctoral Seminar

A doctoral seminar was held on 26 April 2003 at 11.00 a.m. in Lecture Theatre 6, FPP. There was one presenter, Tai Khiun Mien from FPP PhD candidates. The title of his presentation was 'Economic Growth and Trade Services, with Special Reference to the Malaysian Maritime Transport Industry'. His supervisor is Prof. Dr. Sieh Mei Ling.

FPP Intellectual Discourse

Satu Intellectual Discourse telah diadakan pada 25 April 2003 di Bilik Mesyuarat 1, FPP. Pembentangan dilakukan oleh Encik Shamsul Anuar Abdul Majid. Tajuk yang dibentangkan ialah "Enhancing Conventional Portfolio Returns Using Petroleum Futures".

Pengumuman

- ❖ FPP dalam proses menyediakan sebuah bilik am untuk Pembantu Penyelidik. Bilik tersebut terletak bersebelahan dengan bilik pelajar PhD di Blok B, FPP dan akan dilengkapi dengan dua terminal komputer bagi kegunaan mereka. Permohonan boleh dibuat apabila bilik tersebut telah siap sepenuhnya.
- ❖ Terdapat tiga kekosongan bilik di Blok A, FPP. Permohonan boleh dibuat kepada Puan Zurina apabila diumumkan kelak. Keutamaan akan diberi kepada mereka yang lebih senior.

Sidang Pengarang

Penasihat

Prof Dr Md Nor Othman

Ketua Editor

Mohd Zulkhairi Mustapha

Ahli Jawatankuasa

Dr. Wan Sabri Wan Hussin
Mohd Sarif Ibrahim
Mohd Naufal Omar
Abdul Razak Halifa

Sebarang komen atau cadangan sila hantarkan kepada email
zulkhairi@um.edu.my